

## MEKANISME PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA TANAH RANCANGAN: KAJIAN DI FELDA TAIB ANDAK, KULAI JOHOR<sup>1</sup>

*Norazila Mat Hussain*

arezila7@gmail.com

*Nasrul Hisyam Nor Muhamad*

nasrul@utm.my

Fakulti Tamadun Islam

Universiti Teknologi Malaysia

### Abstrak

Makalah ini membincangkan mekanisme pembahagian harta pusaka tanah rancangan dengan melihat masalah yang berlaku dalam pembahagian pusaka di FELDA Taib Andak sehingga timbulnya pelbagai isu berkenaan pembahagian pusaka dalam kalangan mereka. Data dalam artikel ini diperolehi secara kuantitatif dan kualitatif. Dalam kajian ini kerja lapangan secara temu bual dan soal selidik telah dilakukan. Temu bual telah dilakukan secara langsung dengan beberapa pihak yang terlibat dalam urusan pembahagian pusaka FELDA termasuk pihak pengurusan FELDA Taib Andak, manakala bagi kaedah soal selidik pula, sebanyak 250 borang soal selidik telah diedarkan kepada peneroka FELDA Taib Andak. Walau bagaimanapun, hanya 209 (83.6 peratus) sahaja yang mengembalikan borang soal selidik tersebut. Kajian mendapati kebanyakan warga peneroka memilih untuk melantik pentadbir sebagai mekanisme pembahagian harta pusaka FELDA berbanding dengan pemilikan terus kepada waris yang dipersetujui bersama. Kajian juga menunjukkan bahawa isu yang timbul dalam pembahagian harta pusaka di FELDA Taib Andak ialah peneroka terikat dengan seksyen 14 dan seksyen 15, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang hanya membolehkan dua penama pada geran tanah FELDA. Pecah amanah dan pertikaian dalam kalangan ahli waris serta beberapa masalah lain turut menyumbang kepada masalah dalam pembahagian tanah pusaka FELDA. Namun begitu, berdasarkan kajian ini, masalah utama dalam pembahagian tanah pusaka FELDA berpunca daripada sikap individu yang terlibat dengan pembahagian harta pusaka itu sendiri.

---

1 Makalah ini merupakan sebahagian hasil kajian penyelidikan “Isu-Isu Pusaka Orang Islam. Kajian Di Felda Taib Andak, Kulai, Johor.” Geran Penyelidikan Universiti (GUP), no. vot: Q.J130000.2633.03J89, Universiti Teknologi Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi (laporan siap pada Julai 2012)

Kata Kunci: Pusaka FELDA, Akta Tanah 1960, pewarisan Islam, undang-undang Islam

### ***Abstract***

*This article discusses the mechanism for distribution of estate land mechanism with a focus on the problems faced in the distribution of inheritance in Felda Taib Andak. Data in this article are obtained quantitatively and qualitatively. In this study, field work was done through interviews and questionnaires. Interviews were done directly with the persons involved in the distribution of FELDA estates that include the management of FELDA Taib Andak. The questionnaire was distributed to 250 Felda settlers of Taib Andak. Only a total of 209 (83.6 per cent) returned the questionnaire. The study showed that most of the settlers had elected to appoint the administrators as the mechanism for FELDA estate distribution than giving direct ownership to mutually agreed party or parties among the heirs. The study has also shown that contentious issues in the estate distribution in Taib Andak are provisions of sections 14 and section 15, the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 which only allow for two nominees to be named in the FELDA title deed. In addition, the incidence of fraud and disputes among heirs and other issues have also contributed to the problems in the distribution of estates. However, this study has revealed that the main problem in the implementation of distribution of FELDA estates is due to the attitude of the parties involved in the matter.*

*Keywords: FELDA inheritance, Land Act 1960, the Islamic inheritance, Islamic Law*

## **PENDAHULUAN**

Isu mengenai pembahagian harta pusaka merupakan isu yang tidak pernah selesai terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam. Media massa sama ada media cetak mahupun media elektronik sering kali memaparkan berita yang berkaitan dengan masalah pengurusan harta pusaka dan kadang-kadang menjadi isu utama dalam akhbar dan juga sumber maklumat lain. Jika diperhatikan terdapat banyak masalah yang berkaitan dengan pembahagian atau pengurusan harta pusaka yang berlaku dalam masyarakat masa kini. Walaupun pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam membantu

menyelesaikan masalah harta pusaka, namun masih belum memberikan kesan dan jalan penyelesaian yang terbaik kepada masyarakat.

Antara isu berkaitan harta pusaka yang telah mendapat perhatian masyarakat, seperti yang dilaporkan oleh beberapa akhbar tempatan, termasuklah laporan mengenai kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat negara ini mengenai perancangan harta yang menyebabkan banyak wang tunai dan aset milik individu yang meninggal dunia kini masih dalam simpanan Amanah Raya Berhad kerana tidak dituntut oleh waris mereka. Wang tunai dan aset itu masih dibekukan kerana tiada waris tampil menuntut hak mereka. Dalam kes harta orang Islam, pembekuan harta itu berlaku kerana kebanyakan umat Islam masih kurang pengetahuan mengenai perancangan dan penulisan wasiat kepada waris.<sup>2</sup> Selain itu, laporan akhbar juga mengatakan bahawa kira-kira 500 ribu pewaris aset beku bernilai RM40 billion terdiri dalam kalangan masyarakat Islam negara ini.<sup>3</sup> Ekoran itu, ribuan surat hak milik tanah atau geran di seluruh negara masih lagi berdaftar atas nama orang yang telah meninggal dunia dan belum ditukar nama kepada waris. Majoriti kes ini melibatkan geran tanah milik orang Melayu. Penemuan itu menunjukkan masih banyak lagi tanah yang pemiliknya meninggal dunia dibiarkan tanpa sebarang tindakan penurunan hak milik kepada waris sah. Kelalaian itu mengakibatkan tanah yang menjadi sumber ekonomi negara tidak dimanfaatkan sepenuhnya sebaliknya terbiar dan tidak diusahakan.<sup>4</sup>

Selain itu, lebih sejuta kes tuntutan harta pusaka dengan nilai mencecah RM38 billion masih tertunggak kerana tidak diuruskan oleh waris. Kes tersebut yang kebanyakannya membabitkan harta milik orang Islam berlaku ekoran kegagalan pemegang harta merancang pengagihan pusaka melalui dokumen wasiat dan hibah ketika masih hidup<sup>5</sup> dan banyak lagi laporan yang telah dibuat dalam akhbar tempatan dan juga media massa yang lain. Masalah pembahagian harta pusaka ini, bukan sahaja berlaku dalam golongan atau kelompok tertentu sahaja bahkan dapat dikatakan berlaku dalam semua golongan dan kelompok masyarakat termasuklah masyarakat FELDA. Namun begitu, terdapat perbezaan dalam masalah pembahagian harta pusaka tanah dalam kalangan masyarakat FELDA kerana mereka tertakluk pada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang menghalang mereka menggunakan tanah dengan sesuka hati. Akta ini menghendaki supaya tanah ini diturun milik kepada tidak lebih dua orang pentadbir yang berhak sahaja. Oleh sebab terikat dengan akta ini, pembahagian pusaka tanah FELDA berbeza dengan tanah pusaka biasa.

2 Hakimi Ismail. "Harta Pusaka RM42b di Beku" dlm. *Utusan Malaysia*, 28 Jun 2011.

3 Raja Syahrir Abu Bakar. "Pewaris Aset RM40b Dicari" dlm. *Utusan Malaysia*, 4 Ogos 2010.

4 "900, 000 Geran Atas Nama Orang Mati" dlm. *Utusan Malaysia*, 26 Februari 2006.

5 Norlizah Abas. "RM38b Tidak Dituntut" dlm. *Utusan Malaysia*, 3 Julai 2006.

## METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini menggabungkan reka bentuk kajian kualitatif dan kuantitatif. Dalam kajian ini kerja lapangan secara temu bual dan soal selidik telah dilakukan. Kajian lapangan temu bual telah dilakukan kepada beberapa pihak yang terlibat dalam pembahagian pusaka FELDA juga pihak yang menguruskan FELDA secara langsung bagi mendapatkangambaran sebenar mengenai isu harta pusaka orang Islam yang melibatkan peneroka FELDA Taib Andak.

Temu bual telah dijalankan dengan Encik Rosli bin Maarof, Pengurus Felda Taib Andak,<sup>6</sup> dan Encik Harun bin Ithnin, Pegawai di Bahagian Pusaka Pejabat Tanah Kulaijaya.<sup>7</sup> Pemilihan Bahagian Pusaka Pejabat Tanah Kulaijaya bagi semua urusan melibatkan pembahagian pusaka kecil akan diuruskan oleh pejabat tanah. Pihak pengurus FELDA akan merujuk pejabat tanah apabila berlaku kematian dalam kalangan peneroka FELDA. "Pusaka Kecil" berdasarkan Seksyen 3(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian)1955 ditakrifkan sebagai harta peninggalan si mati yang mengandungi kesemuanya atau sebahagiannya merupakan harta tak alih terletak di mana-mana negeri dan jumlah nilai keseluruhannya tidak melebihi RM2 juta pada tarikh permohonan dibuat (berkuat kuasa mulai 1 September 2009). Temu bual juga dilakukan dengan Encik Ahmad Sahrul bin Mohamad, Eksekutif Kanan Amanah Raya Berhad Cawangan Johor Bahru.<sup>8</sup> Amanah Raya merupakan antara institusi peramanahan dan perwarisan yang utama di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan meliputi Pentadbiran Harta Pusaka, Penulisan, Penyimpanan dan Pelaksanaan Wasiat, dan Perkhidmatan Peramanahan. Selain itu, Amanah Raya menguruskan "Pusaka Ringkas", iaitu harta yang hanya berupa harta alih sahaja dan nilainya tidak melebihi RM600 ribu berpandukan Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532).

Selain temu bual, soal selidik juga dilakukan terhadap responden yang terdiri daripada peneroka FELDA Taib Andak. Soal selidik (yang berkaitan dengan makalah ini sahaja<sup>9</sup>) adalah tentang isu dan masalah yang timbul berkaitan dengan pembahagian harta pusaka tanah FELDA. Sebanyak 250 borang soal selidik telah diedarkan kepada peneroka FELDA Taib Andak. Walau bagaimanapun hanya 209 (83.6 peratus) sahaja yang mengembalikan borang soal selidik tersebut. Kajian ini dikhususkan kepada responden yang

---

6 Pada 14 Disember 2011, 2.30 petang, di Pejabat Pengurusan FELDA Taib Andak.

7 Pada 23 November 2011, 11 pagi, di Pejabat Tanah Kulaijaya.

8 Pada 11 November 2011, 10.30 pagi, di Pejabat Amanah Raya Berhad, Johor Bahru.

9 Soal selidik penyelidikan yang dilaksanakan mempunyai empat bahagian, yang mewakili empat objektif kajian. Namun artikel ini hanya mengetengahkan item atau pernyataan yang berkaitan dengan isu dan masalah-masalah yang timbul berkaitan pembahagian harta pusaka tanah FELDA.

beragama Islam sahaja. Daripada jumlah itu sebanyak 81 orang responden, iaitu 38.8 peratus lelaki dan sebanyak 128 orang, iaitu 61.2 peratus responden perempuan. Peneroka di FELDA Taib Andak 100 peratus terdiri daripada orang Melayu, dan 90 peratus daripadanya merupakan anak jati Johor, manakala 10 peratus lagi peneroka yang datang dari negeri lain, seperti Kelantan, Pulau Pinang dan lain-lain lagi.<sup>10</sup>

Sebanyak 44 orang responden (21.1 peratus) daripada generasi FELDA yang pertama. Bagi generasi FELDA kedua pula, sebanyak 143 orang responden (68.4 peratus). Sebanyak 20 orang responden (9.6 peratus) pula daripada generasi ketiga, manakala sebanyak dua orang responden (1.0 peratus) lain-lain generasi FELDA. Kebanyakan peneroka yang ada sekarang dalam kalangan generasi kedua, ketiga dan seterusnya. Majoriti generasi pertama peneroka telah meninggal dunia.<sup>11</sup>

### **SEKATAN AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960**

Dalam rancangan FELDA, peneroka rancangan getah, kelapa sawit, tebu dan koko, tidak terus diberikan hak milik kebun masing-masing setibanya mereka ke sesuatu rancangan itu. Pemberian hak milik dalam rancangan getah akan hanya dibuat selepas tanah getah berumur enam tahun. Terdapat sedikit perbezaan antara rancangan getah dengan kelapa sawit. Dalam rancangan getah, hak milik tanah itu akan diserahkan sepenuhnya kepada peneroka apabila mereka telah menyelesaikan seluruh hutangnya. Walau bagaimanapun, dalam rancangan kelapa sawit, geran hak milik tidak diberikan walaupun hutangnya telah habis dibayar kerana sistemnya yang berbeza, iaitu sistem blok. Setiap 20 orang peneroka biasanya diperuntukkan seluas 200 ekar tanah (80 hektar) untuk mereka kerjakan secara kolektif dan seseorang peneroka tidak dapat menentukan secara khusus bahagian kepunyaan mereka. Geran hak milik yang dikeluarkan terhadap tanah seluas 200 ekar itu atas nama 20 orang peneroka.

Peneroka yang diterima masuk dalam sesuatu rancangan itu akan didaftarkan nama mereka dalam buku daftar pegangan. Pendaftaran nama peneroka itu sebagai tanda mereka diperuntukkan hak milik dalam rancangan sebelum hak milik tetap dikeluarkan. Hartanah yang ditetapkan oleh FELDA dalam daftar pegangan itu bukanlah harta peneroka dalam erti kata yang sebenar kerana dia tidak berhak secara mutlak terhadap tanah yang diberikan itu. Peneroka tidak boleh mengurusniagakan tanah rancangan itu, seperti

---

10 Temu bual dengan Encik Rosli bin Maarof, *op.cit.*

11 *Ibid.*

tanah yang dimiliki di luar rancangan kerana tertakluk pada beberapa peruntukan tertentu.<sup>12</sup>

Di bawah Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen telah meluluskan satu akta yang dinamakan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) Tahun 1960 (Pindaan) 2002. Tanah yang terlibat dengan akta ini ialah tanah Rancangan FELDA, FELCRA dan Rancangan Tanah Pinggir. Masalah yang berbangkit daripada akta ini ialah peruntukan Seksyen 14 (2) yang tidak membenarkan tanah tersebut dimiliki oleh lebih daripada dua orang pemilik.<sup>13</sup>

Tujuan pengubalan Akta ini untuk menyeragamkan pelaksanaan semua negeri di semenanjung, iaitu dari segi polisi serta kuasa eksekutif yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Matlamat utama penggubalan Akta ini bagi mewujudkan penempatan baharu secara terancang dengan menyediakan sumber ekonomi melalui pembukaan ladang oleh agensi pelaksana. Pembangunan terancang ini berlandaskan peraturan dan sekatan seperti yang terkandung dalam Akta ini untuk memastikan kawasan yang dimajukan mencapai matlamat pembangunan ekonomi yang maksimum dari segi hasil ladang dan pendapatan peneroka. Matlamat sampingan daripada Akta ini adalah untuk membasmi kemiskinan dan agihan tanah kepada penduduk yang tidak bertanah serta mewujudkan masyarakat yang harmoni dan berdaya maju. Akta ini telah dipinda beberapa kali dengan tujuan menyesuaikan semula peraturan dan sekatan mengikut keperluan dan kehendak semasa.<sup>14</sup>

Seperti yang termaktub dalam Akta ini, beberapa sekatan dimasukkan bertujuan bagi menjamin pembangunan tanah pertanian dilaksanakan secara berterusan dengan pengeluaran hasil yang maksimum yang memberikan keuntungan kepada peneroka. Antara sekatan tersebut termasuklah:

- (i) Seksyen 14 yang tidak membenarkan Pegangan Desa dikeluarkan kepada lebih dari 2 orang pemegang yang dikira sebagai pegangan bersama atau pemilik bersama.
- (ii) Seksyen 15 yang memperuntukkan bahawa kawasan Pegangan Desa tidak boleh pada bila-bila masa dipecah bahagian (*subdivided or partitioned*). Seksyen ini juga tidak membenarkan pegangan desa dipajak sebahagian atau semuanya.

---

12 Ridzuan Awang, 1994. *Undang-Undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 255-56.

13 Seksyen 14 (2) memperuntukkan, "A rural holding may be alienated and jointly held by not more than two holders."

14 Rang Undang-Undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 2002. Bacaan Kali Kedua dan Ketiga, Cawangan Dokumentasi Parlimen Malaysia.

- (iii) Seksyen 7 (3) yang menghadkan penggunaan Pegangan Bandar hanya untuk kegunaan perumahan, kegunaan awam, perdagangan, industri atau kegunaan lain seperti yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

## PANDANGAN SYARAK TERHADAP SEKATAN AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960

Isu yang lazim dibangkitkan terutamanya oleh pihak pentadbir tanah ialah pembangunan harta tak mudah alih yang tergendala akibat kelewatan penyelesaian agihan pusaka. Anggapan bahawa sistem faraid punca berlakunya pecahan tanah adalah tidak tepat kerana Islam telah menentukan hak waris dalam harta pusaka si mati dan kemudian terpulang kepada waris tersebut untuk menentukan bagaimana pemilikan harta berdasarkan hak yang telah ditentukan itu sama ada untuk memecahkannya, mengekalkannya atau menambahkannya dengan harta milik mereka yang sedia ada. Begitu juga dalam Islam terdapat kaedah *tahkaruj* yang membolehkan mana-mana waris untuk keluar daripada agihan tersebut. Namun begitu, persoalan ini masih belum terjawab dan kebanyakan penulis daripada aliran pengajian Islam tetap berpandangan bahawa larangan pecahan tanah, seperti yang berlaku kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, merupakan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam.<sup>15</sup>

Jika dilihat perbincangan harta dalam Islam, harta atau mal dari segi bahasa bermaksud apa-apa yang dimiliki daripada segala sesuatu. Dari segi istilah pula menurut Imam al-Shafi' e bahawa harta merupakan sesuatu yang bernilai dan mesti dibayar ganti rugi jika berlaku kerosakan. Secara umumnya, harta dari sudut undang-undang Islam ialah setiap sesuatu yang boleh dikuasai, dimanfaatkan dan halal menurut ketetapan syarak serta mempunyai nilai.<sup>16</sup> Berdasarkan takrif ini maka pemilik harta mempunyai hak yang penuh terhadap hartanya dan bebas menggunakan harta tersebut mengikut kehendaknya dan tidak ada orang lain, baik secara individu mahupun perlembagaan, yang dapat menghalangnya daripada memanfaatkan barang yang dimilikinya itu.

Para fuqaha membahagikan pemilikan kepada dua, iaitu pemilikan sempurna (*tam*) dan pemilikan tidak sempurna (*naqis*). Pemilikan sempurna

15 Ahmad Hidayat Buang, 2005. "Perkembangan dan Isu-isu Undang-undang Pusaka dan Wasiat di Malaysia" dlm. *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 148.

16 Yazid Ahmad dan Iknor Azli Ibrahim, 2006. "Konsep Harta Menurut Perspektif Undang-undang Islam dan Undang-undang Sivil: Satu Tinjauan" dlm. *Jurnal Pengajian Umum* Bil. 7, hlm. 126.

ialah pemilikan seseorang terhadap barang dan juga manfaatnya sekali gus. Pemilikan tidak sempurna pula ialah pemilikan manfaat sesuatu sahaja. Setelah meneliti aspek pemilikan ini, penulis berpendapat bahawa peneroka FELDA hanya mempunyai pemilikan manfaat sahaja terhadap tanah tersebut yang bermaksud pemilikan mereka terhadap tanah FELDA ialah pemilikan tidak sempurna. Pemilikan ini lebih merupakan satu keizinan daripada pihak pemerintah kepada peneroka untuk mendapatkan manfaat daripada tanah tersebut. Keizinan ini bersifat am dan dapat diwarisi manfaatnya oleh para waris sehingga tamat tempoh pajakan.<sup>17</sup>

Beberapa hujah yang menunjukkan bahawa Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 tidak bertentangan dengan hukum pusaka Islam. Menurut Wahbah al-Zuhaili bahawa amalan ini tidak bertentangan dengan syariat kerana merupakan pentadbiran sahaja, yang penting ialah penama yang didaftarkan sebagai pemilik perlu mengagih-agihkan hasil berkenaan mengikut faraid atau kadar yang dipersetujui dalam kalangan mereka.<sup>18</sup>

Muzakarah jawatankuasa fatwa yang telah bersidang pada 13-14 April 1982 telah memutuskan bahawa:

1. Pembahagian harta yang bercorak tanah, yang tidak dapat diselesaikan secara hak milik, maka pihak berkuasa boleh menyelesaikan dengan apa cara juga yang sesuai dan munasabah mengikut hukum syarak.
2. Dalam Islam pembahagian harta pusaka merupakan syer atau saham dan sekiranya tidak mendatangkan faedah, pemerintah bolehlah menggunakan kuasanya dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut tanpa mendapat persetujuan daripada semua waris.<sup>19</sup>

Muzakarah Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-38, yang bersidang pada 21 Jun 1995 di Negeri Sembilan telah membincangkan hukum pewarisan harta dan harta sepencarian yang dilaksanakan di rancangan FELDA. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

---

17 Zulkifli Mohamad, 2007. "Isu Pusaka Tanah Rancangan FELDA: Kajian Kes FELDA Lurah Bilut Bentong Pahang Darul Makmur", Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf, hlm. 209.

18 *Ibid.*

19 Pendapat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ini telah dipetik daripada Tan Sri Haji Arshad Ayub, Haji Nik Mohd. Zain Hj. Nik Yusof dan Mohd Helmi Md. Hussain, "Harta Perolehan dari Agensi-agensi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah" dlm. Ridzuan Awang (1994). *op.cit.*, hlm. 259.



1. Amalan yang dilaksanakan di Rancangan FELDA mengenai pewarisan harta yang berdasarkan Akta Tahun 1960 tidak bertentangan dengan hukum syarak kerana persetujuan meletakkan satu penama itu dibuat atas persepakatan semua pihak yang terlibat.
2. Sekiranya tidak mendapat persetujuan waris untuk melantik seseorang daripada mereka sebagai wakil maka:
  - a) Harta si mati hendaklah dijual.
  - b) Penjualan harta tersebut hendaklah diberikan keutamaan kepada waris.
  - c) Hasil daripada penjualan harta tersebut hendaklah dibahagikan kepada waris mengikut faraid.
  - d) Jika harta si mati tidak habis dibahagikan kepada waris mengikut faraid maka lebihan pembahagian itu hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.
3. Amalan yang dilaksanakan di Rancangan FELDA mengenai harta sepencarian tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Tujuan Kerajaan menguatkuasakan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 kepada tanah rancangan adalah untuk menjamin tanah tersebut tidak dipecahkan kepada unit yang tidak ekonomik. Hal ini bersesuaian dengan kaedah fiqh:

Maksudnya: “Tindakan atau amalan pemerintah terhadap rakyat mestilah bergantung pada kemaslahatan”.<sup>20</sup>

## LATAR BELAKANG FELDA TAIB ANDAK

Felda Taib Andak merupakan salah satu tanah rancangan yang telah dimajukan oleh FELDA. Rancangan pertama dibuka oleh FELDA ialah rancangan Lurah Bilut Bentong, Pahang ditanam dengan getah, iaitu pada tahun 1958, manakala rancangan Taib Andak merupakan rancangan FELDA pertama ditanam dengan kelapa sawit. Dengan demikian, rancangan FELDA Taib Andak merupakan rancangan sawit yang tertua di negeri Johor dan telah mula dibuka pada tahun 1960. Rancangan ini terletak 48 km dari Bandar Johor Bahru dan 9 km dari Bandar Kulai ke Kota Tinggi serta mempunyai keluasan 290 012 hektar. FELDA Taib Andak diletakkan di bawah pengurusan Pegawai Wilayah Johor Timur dan diawasi oleh Pengarah Operasi Lima yang terletak di Johor Bahru. Unit pengurusan di FELDA Taib Andak di ketuai oleh Pengurus Rancangan dan dibantu oleh kakitangan yang lain. Terdapat juga organisasi peserta yang turut sama melicinkan sistem pengurusan seperti organisasi Jawatan Kuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) yang membantu

20 Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Berhubung Dengan Isu-isu Muamalat, diperolehi daripada <http://www.islam.gov.my>.

pentadbiran dalam rancangan ini. FELDA Taib Andak mendapat nama daripada nama pengerusi kedua FELDA, iaitu Tan Sri Taib Andak yang bertugas bermula 14 Oktober 1958 hingga 31 Ogos 1971. Pada 22 Ogos, 1971, Sultan Johor, iaitu Sultan Ismail ibni Sultan Ibrahim telah merasmikan bangunan FELDA Taib Andak.<sup>21</sup>

Di FELDA Taib Andak, peneroka 100 peratus Melayu. Lebih daripada 90 peratus merupakan penduduk Johor sendiri. Selebihnya dari beberapa negeri lain, seperti Pulau Pinang, Kelantan dan lain-lain. Generasi pertama majoriti telah meninggal. Kebanyakan peneroka yang ada sekarang ialah generasi kedua dan ketiga. Lingkungan umur generasi kedua telah mencapai lima dan enam puluh tahun.<sup>22</sup>

FELDA Taib Andak selepas 52 tahun telah banyak berubah seiring dengan kemajuan pembangunan negara. Hampir kesemua rumah telah berubah sama ada diubah suai atau dibina semula. Sesetengah lamannya pula dihias indah dan dipenuhi dengan pokok bunga yang renik. Rumah di FELDA Taib Andak tidak lagi menggambarkan keadaan asal rumah peneroka pada peringkat awal. Sebahagian besar rumah mereka tidak banyak beza jika dibandingkan dengan rumah banglo di bandar. Setiap peneroka diperuntukkan kira-kira suku ekar tanah perumahan menjadikan hanya empat rumah dalam satu ekar, kelihatannya seperti sebuah vila perkampungan. Peneroka FELDA telah maju, mereka memiliki tanah sendiri.<sup>23</sup>

## PEMBAHAGIAN PUSAKA DI FELDA TAIB ANDAK

Hasil kajian mendapati banyak isu yang timbul berkenaan dengan pembahagian tanah pusaka. Masalah utama ialah peneroka terikat dengan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, iaitu dalam seksyen 14 dan seksyen 15 yang membolehkan hanya dua penama dalam geran tanah FELDA. Hal ini menyebabkan pembahagian tanah felda ini tidak dapat dibahagikan mengikut faraid tetapi hanya membolehkan dua pemilik atau pentadbir sahaja. Hanya hasil daripada tanah perusahaan tanah tersebut sahaja dapat dibahagikan secara faraid. Berdasarkan maklumat, masih ramai peneroka yang masih belum menukar nama peneroka asal kepada peneroka yang ada sekarang.<sup>24</sup>

Perkara ini disokong dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Encik Ahmad Shahrul. Secara umumnya berdasarkan pengalaman beliau dan kes yang berlaku. Isu utama yang berlaku dalam pembahagian pusaka ialah

---

21 [http://ms.wikipedia.org/felda Taib Andak](http://ms.wikipedia.org/felda-Taib-Andak).

22 Temu bual dengan Encik Rosli bin Maarof, *op.cit*.

23 Kalsom Taib, 2011. *Taib Andak Dalam Kelasnya Tersendiri*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd., hlm. 143.

24 En. Rosli bin Maarof, *op.cit*.

peneroka terikat dengan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, iaitu dalam seksyen 14 dan seksyen 15. Dalam seksyen 14, sebelum pindaan tahun 2002, seksyen ini memperuntukkan bahawa proses pindah milik ataupun pegangan untuk hak milik hanya terhad kepada seorang sahaja. Pada tahun 2002 pindaan telah dibuat dalam seksyen ini, iaitu dibolehkan harta pusaka peneroka dimiliki tidak lebih daripada dua orang. Kemudian dalam seksyen 15 menyatakan bahawa pegangan atau hak milik tidak boleh bila-bila masa dibelah bahagi. Dibelah bahagi maksudnya satu geran dipecah-pecahkan kepada beberapa bahagian seperti 1/8, 1/6, 1/2 dan sebagainya. Perkara ini perlu dirujuk pada seksyen 14 yang hanya terhad kepada dua orang sahaja. Selain itu, tanah FELDA tidak boleh dipajak gadaai sama ada sebahagian atau kesemuanya, tidak boleh berlaku pertukaran hak milik, jualan dan sebagainya. Menurut beliau lagi, masalah akan timbul berdasarkan seksyen 14 dan seksyen 15 ini apabila terdapat waris yang mempertikaikan proses pembahagian pusaka.<sup>25</sup>

Selain itu, berlaku pecah amanah dalam kalangan waris. Terdapat waris yang tidak membahagikan hasil tanah mengikut faraid dan menyebabkan sebahagian waris tidak mendapat hasil sebagaimana yang sepatutnya diperoleh. Terdapat juga antara peneroka yang hanya menyerahkan separuh hasil kepada pihak FELDA dan menjual separuh hasil lagi kepada mereka yang tidak berkenaan. Oleh itu, separuh lagi hasil yang tidak dijual kepada pihak FELDA tidak termasuk dalam rekod FELDA dan ahli waris berkenaan berkemungkinan besar tidak amanah dalam pembahagian hasil kepada pihak yang sepatutnya menerima hasil tersebut. Pada asalnya menjadi pentadbir tidak mempunyai apa-apa kelebihan berbanding dengan ahli waris yang lain kerana hasil tetap akan dibahagikan secara sama rata. Pentadbir bertanggungjawab untuk membayar cukai, menjaga operasi hasil pengeluaran dan membahagikan hasil antara ahli waris. Pihak FELDA tidak terlibat secara langsung dalam proses pembahagian kecuali dengan perintah mahkamah. Oleh sebab itu, terdapat banyak kes pecah amanah berlaku dalam kalangan pentadbir. Pihak FELDA hanya merekodkan hasil yang diperoleh dan menolak kos operasi pentadbir kemudian hasil bersih akan dibahagikan antara waris. Yang menjadi masalah apabila pihak peneroka tidak menjualkan hasil kelapa sawit mereka kepada FELDA akan tetapi menjualkannya kepada pihak lain. Apabila kes seperti ini berlaku pihak FELDA tidak dapat merekodkan dengan tepat hasil pendapatan yang diperoleh oleh peneroka.<sup>26</sup>

Pertikaian pewaris biasanya berlaku apabila kematian peneroka dan proses pembahagian tanah FELDA menjadi begitu rumit disebabkan oleh berlaku tidak puas hati pihak tertentu dalam pemilihan penama kepada

25 Temu bual dengan En. Ahmad Shahrul bin Mohamad, *op.cit.*

26 *Op.cit.*, En. Rosli bin Maarof.

tanah FELDA tersebut. Oleh itu, pihak berwajib terpaksa melantik pentadbir dan proses penukaran pemilik akan dibuat kemudian apabila berlakunya persetujuan bersama antara ahli waris. Terdapat juga peneroka yang menukar nama pemilik tanah tanpa pengetahuan pihak FELDA. Contohnya, seorang peneroka telah menukar hak milik tanah FELDA miliknya kepada nama isterinya tanpa memaklumkan kepada pihak FELDA. Pihak FELDA hanya akan mengetahui hal ini selepas kematian peneroka apabila perkara ini dirujuk ke Pejabat Tanah.<sup>27</sup>

Pertikaian dalam kalangan ahli waris berlaku ketika proses pembahagian tanah FELDA. Sebagai contoh, sebuah keluarga mempunyai lima orang ahli waris yang berhak terhadap pusaka yang ditinggalkan. Masalah akan timbul apabila kelima-limanya berkeras inginkan tanah tersebut dinamakan atas nama mereka. Masing-masing tidak mahu mengalah, tidak mahu berbincang, tiada kesepakatan dan sebagainya, sedangkan dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 membenarkan penama tidak lebih daripada dua orang sahaja.<sup>28</sup>

Masalah kelewatan permohonan penukaran nama pemilik menjadi masalah utama bagi Pejabat Tanah Kulai Jaya di FELDA amnya. Pihak waris seharusnya mengambil berat masalah ini demi menjamin perjalanan pertukaran nama pemilik berjalan dengan lancar dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pejabat tanah. Waris yang berlapis, menyebabkan proses pembahagian semakin rumit kerana melibatkan lebih ramai waris yang mempunyai hak terhadap harta warisan tersebut. Selain itu, masalah pergaduhan antara waris dalam memilih siapa yang menjadi pemilik kepada tanah pusaka juga merupakan satu isu yang biasa dan menjadi masalah kepada pihak pejabat tanah. Masing-masing ahli waris berkeras untuk memastikan nama mereka dilantik sebagai pentadbir serta saling tidak mempercayai antara ahli waris, hingga menyebabkan proses pemberimilikan terpaksa ditangguhkan sehingga mendapat kata sepakat dalam kalangan ahli waris.<sup>29</sup>

Waris berlapis antara isu yang sukar untuk ditangani kerana melibatkan beberapa keturunan waris yang berhak terhadap tanah tersebut. Hal ini disebabkan waris pertama tidak membuat tuntutan terhadap kematian peneroka. Mereka tidak mengambil berat isu ini sehinggakan terdapat peneroka yang meninggal dunia lebih 15 tahun lamanya dan namanya belum ditukar kepada nama waris. Golongan ini melengah-lengahkan proses penukaran pemilik dan menyebabkan masalah yang lebih besar berlaku. Terdapat juga segolongan dalam kalangan orang Melayu yang beranggapan

---

27 *Ibid.*, En. Rosli bin Maarof.

28 *Op.cit.*, En. Ahmad Shahrul bin Mohamad.

29 Temu bual Penulis dengan En. Haron bin Ithnin, Pembantu Tadbir Unit Pusaka, Pejabat Tanah Kulai Jaya.

bahawa menjadi satu kesalahan jika membuat tuntutan untuk menyelesaikan masalah harta pusaka ketika tanah kubur si mati masih merah. Sesetengah mereka percaya pembahagian harta pusaka dapat dibuat selepas 40 hari daripada hari kematian seseorang itu. Kepercayaan ini bercanggah dengan Islam. Sesungguhnya Islam menyuruh umatnya menyejatkan pembayaran hutang si mati dan mengagihkan harta pusaka dengan secepat mungkin.

Terdapat banyak mekanisme pemilikan tanah FELDA, sama ada penyerahan milik secara terus, melantik pentadbir atau jika masalah masih tidak dapat diselesaikan. Cara terakhir adalah dengan menjual tanah tersebut. Hasil jualan dibahagikan kepada ahli waris yang berhak. Jika tidak ada ahli waris yang mampu membayar nilai tanah tersebut, maka pembeli lain dicari. Menurut En. Rosli, beliau berpendapat cara yang terbaik jika mahu menyelesaikan masalah ini adalah dengan menjual tanah FELDA tersebut. Kebanyakan peneroka akan memilih untuk melantik pentadbir berbanding dengan menukar hak milik kepada mana-mana ahli waris. Akan tetapi kebanyakan pentadbir tidak amanah dalam pembahagian hasil pendapatan kepada ahli waris yang lain. Terdapat satu kes penipuan oleh pentadbir yang berlaku di Felda. Hak milik tanah tersebut ditukarkan kepada nama pentadbir tanpa pengetahuan adik-beradik yang lain. Tambahan pula pentadbir telah membuat pinjaman bank dan tidak dapat membayar balik sehingga bank melelongkan tanah tersebut. Terdahulu pentadbir telah sanggup membuat akuan sumpah bahawa dia tidak ada ahli waris yang lain.<sup>30</sup>

Akta (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 sebenarnya tidak menghalang dari segi pewarisan secara faraid seperti yang dipertikaikan oleh kebanyakan peneroka, sekatan kepentingan yang ada hanyalah melarang pemilikan lebih daripada dua nama. Sekiranya semua pihak waris setuju bahawa pembahagian mengikut faraid, maka pelantikan kuasa mentadbir perlu dilakukan dan pembahagian hasil adalah secara faraid. Pentadbir yang dilantik bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan semua waris mendapat bahagian masing-masing secara telus. Tujuan Akta (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang menghalang pemilikan nama dalam hak milik tidak lebih daripada dua orang adalah bagi mengelakkan tanah tersebut menjadi tidak ekonomik. Pemilikan terlalu ramai akan menyebabkan bahagian tanah dipecah-pecahkan menjadi terlalu kecil.<sup>31</sup>

Dari segi sikap peneroka dan ahli waris berkenaan pembahagian tanah pusaka FELDA, kebanyakan peneroka tidak mengetahui prosedur menguruskan tanah pusaka FELDA apabila berlaku kematian. Kebanyakan ahli waris saling mengharap antara satu sama lain. Contohnya, anak sulung mengharap ibu mereka untuk menguruskan pemindahan harta pusaka tersebut,

30 *Op.cit.*, En. Rosli bin Maarof.

31 *Op.cit.*, En. Haron bin Ithnin.

adik-adik mengharapkan abang-abang dan sebagainya akhirnya tiada siapa yang mengambil tanggungjawab untuk menguruskan harta pusaka tersebut. Masalah akan bertambah rumit apabila terdapat ahli waris yang berhak mendapat warisan pula meninggal dunia. Hal ini akan menyebabkan susur galur warisan semakin luas dan waris menjadi berlapis-lapis. Menunggu sehingga lima atau enam tahun selepas kematian baru ingin menguruskan pembahagian harta kerana menganggap kurang sopan dan tidak beradab jika menguruskan harta sebaik sahaja selesai urusan kematian waris, akhirnya harta pusaka tersebut tidak dapat diuruskan dan terpaksa dibahagikan kerana waris yang berlapis-lapis serta sukar untuk mendapatkan persetujuan dan kata sepakat dalam kalangan ahli waris.<sup>32</sup> Pihak FELDA telah mengambil tanggungjawab dengan memanggil pihak yang berkaitan untuk memberikan penerangan mengenai pengurusan dan pembahagian harta pusaka FELDA.<sup>33</sup>

Selain mendapat pandangan daripada beberapa pihak yang diberikan tanggungjawab untuk menguruskan pembahagian pusaka, dijalankan juga soal selidik terhadap peneroka FELDA Taib Andak sendiri bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai persoalan mengapa berlakunya masalah dalam pembahagian pusaka dalam kalangan warga FELDA. Dapatan analisis soal selidik adalah seperti dalam Jadual 1.

#### (1) Peneroka Berkahwin Lebih daripada Satu

Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti peneroka, iaitu sebanyak 198 orang responden atau 94.7 peratus bersetuju bahawa apabila peneroka yang merupakan pentadbir tanah FELDA berkahwin lebih daripada satu atau pun menceraikan isteri mereka yang sama-sama mengusahakan tanah FELDA menyebabkan timbulnya masalah dalam pembahagian pusaka. Apabila mereka berkahwin lebih daripada satu, maka mereka akan mula mengabaikan tanggungjawab terhadap isteri pertama dan anak-anak jika berlaku penceraian kerana pemilikan tanah adalah atas nama suami. Isteri akan kehilangan hak terhadap tanah itu apabila berlaku perceraian. Apabila berlaku banyak kes dan aduan sebegini yang menyebabkan kaum wanita teraniayai, maka pindaan Akta Tanah (Kawasan penempatan Berkelompok) telah dibuat pada 2002, yang memberikan ruang kepada isteri untuk menjadi pemegang bersama tanah rancangan. Sebelum pindaan akta pada tahun 2002 dibuat, hanya pemilikan seorang sahaja terhadap sesuatu pegangan desa dan biasanya diberikan kepada suami yang memasuki tanah rancangan sebagai peneroka. Pindaan akta ini dilihat memberikan pembelaan dan hak yang sepatutnya kepada isteri yang sama-sama mengusahakan tanah rancangan.

---

32 *Op.cit.*, En.Ahmad Shahrul bin Mohamad.

33 *Op.cit.*, En. Rosli bin Maarof.

**Jadual 1** Masalah dalam Pembahagian Pusaka FELDA Taib Andak.

Pernyataan	Ya		Tidak	
	K	%	K	%
Peneroka yang berkahwin lebih daripada satu.	198	94.7	11	5.3
Pentadbir yang telah dilantik tidak amanah dan mementingkan diri sendiri dengan menyalahgunakan kuasa mentadbir yang telah diberikan oleh waris dan pihak FELDA.	190	90.9	19	9.1
Kebanyakan peneroka tidak memahami peruntukan atau sekatan undang-undang yang telah dibuat terhadap tanah FELDA.	189	90.4	20	9.6
Kurangnya kefahaman dan tiada kesedaran tentang pengurusan harta pusaka dalam kalangan warga peneroka menyebabkan mereka menganggap pengurusan harta pusaka merupakan perkara yang rumit dan malas untuk mengambil berat berkenaannya.	188	90.0	21	10.0
Tiada waris yang sanggup dan mampu menebus hak waris yang lain dengan bayaran dalam bentuk wang.	170	81.3	39	18.7
Masalah waris berlapis daripada satu generasi kepada satu generasi menyebabkan masalah pembahagian menjadi lebih rumit.	167	79.9	42	20.1
Kebanyakan waris mahu bahagian masing-masing mengikut hukum syarak.	164	78.5	45	21.5
Sekatan undang-undang terhadap tanah rancangan FELDA merupakan punca utama masalah pembahagian pusaka di tanah rancangan ini.	162	77.5	47	22.5
Tiada kesepakatan dalam kalangan ahli waris ketika membuat pembahagian pusaka tanah FELDA.	149	71.3	60	28.7

Terdapat tiga kategori individu yang layak dimasukkan sebagai pemegang bersama atau *co-holder*, iaitu isteri atau bekas isteri atau waris kadim. Isteri dalam konteks sebagai pemegang bersama ini, ialah seorang wanita yang dinikahi secara sah di sisi undang-undang dan merupakan isteri yang sama-sama memasuki rancangan serta sama-sama mengusahakan tanah rancangan berkenaan. Bekas isteri pula bermaksud isteri yang perkahwinannya dengan pemegang pertama telah dibubarkan, dan semasa perkahwinannya berkuat kuasa, bekas isteri turut sama menyumbangkan atau mengusahakan tanah rancangan. Waris kadim pula bermaksud waris yang dekat dan boleh mewarisi

harta si mati mengikut syarak. Dalam konteks bukan Islam, waris kadim ialah waris yang berhak mengikut undang-undang pewarisan yang terpakai ketika ini dan termasuklah anak angkat.<sup>34</sup>

## (2) Masalah Pentadbir Yang Tidak Amanah

Masalah yang kedua ialah berkaitan pentadbir yang dilantik tidak amanah dan mementingkan diri sendiri serta menyalahgunakan kuasa mentadbir yang telah diberikan oleh waris dan pihak FELDA. Responden yang menyatakan persetujuan dengan kenyataan ini sebanyak 190 orang (90.0 peratus) manakala 11 orang (10 peratus) lagi menolak. Banyak aduan dan rungutan daripada kalangan ahli waris dan juga pihak pengurusan FELDA sendiri mengenai salah laku atau tindakan pentadbir yang tidak amanah dalam menjalankan pentadbiran harta pusaka si mati sehingga pendapatan hasil ladang atau harta pusaka si mati tidak dibahagikan kepada ahli waris yang lain. Dengan kata lain, pentadbir gagal menguruskan inventori harta yang ditadbir dengan baik mengikut syarat pentadbiran di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.<sup>35</sup>

## (3) Peneroka Tidak Memahami Peruntukan Undang-undang terhadap Tanah FELDA.

Berdasarkan analisis yang diperoleh, majoriti responden, iaitu sebanyak 189 orang (90.4 peratus) menyatakan bahawa kebanyakan mereka tidak memahami peruntukan undang-undang tanah FELDA. Sebagaimana yang telah dijelaskan pembahagian tanah pusaka FELDA adalah sama dengan pembahagian tanah biasa, akan tetapi tanah FELDA terikat dengan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang menghalang penggunaan tanah FELDA dengan sewenang-wenangnya. Akta inilah yang kebanyakan peneroka tidak memahaminya sehingga menyebabkan masih terdapat lagi pertikaian apabila proses pembahagian pusaka berlaku. Masing-masing ingin nama mereka dimasukkan sebagai pemilik tanah FELDA.

---

34 Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bil. 2/2003. Garis Panduan Pemakaian Seksyen 14, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 2002 Bagi Menguruskan Permohonan Untuk Memasukkan Pemegang Bersama (*Co-holder*) atas Pegangan Desa (*Rural Holding*).

35 Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 12/2009. Pengeluaran Surat Kuasa Tadbir (*Letter of Administration*) di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 bagi Hakmilik dan Daftar Pegangan di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.



- (4) Kurangnya kefahaman dan tiada kesedaran tentang pengurusan harta pusaka FELDA.

Masalah pengurusan pusaka berlaku apabila kurangnya kefahaman dan tiada kesedaran dalam kalangan warga peneroka. Sebanyak 188 orang responden (90 peratus) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala bakinya 21 orang responden (10 peratus) mengatakan tidak. Apabila pada peringkat awal kematian peneroka pengurusan pusaka tidak dilakukan akibatnya berlaku waris berlapis, maka pengurusan menjadi semakin rumit. Kebanyakan peneroka menganggap pengurusan harta pusaka merupakan perkara yang rumit dan malas untuk mengambil berat berkenaannya. Selain itu, terdapat kes waris peneroka tidak melaporkan kematian kepada pihak pengurusan rancangan sedangkan mengikut Pekeliling 1/2004 bahawa pengurus rancangan bertanggungjawab dalam memastikan pembahagian harta pusaka peneroka berjalan dengan lancar termasuklah menyediakan dokumen yang diperlukan. Oleh itu, tidak sepatutnya timbul alasan dalam kalangan peneroka bahawa mereka tidak mengetahui tentang pengurusan pusaka di FELDA.

- (5) Tiada waris yang sanggup dan mampu menebus hak waris yang lain dengan bayaran dalam bentuk wang.

Proses pembahagian pusaka peneroka FELDA akan timbul masalah jika terdapat ahli waris yang tidak mahu menyerahkan pegangan hak milik tanah FELDA kepada seorang atau dua orang ahli waris. Mereka meletakkan syarat pentadbir yang dilantik harus membayar nilai harta tersebut. Pentadbir yang dilantik itu tidak mampu untuk membayar kepada ahli waris yang mengikut kadar bayaran yang telah ditentukan oleh undang-undang sama ada pembahagian secara faraid atau pembahagian secara sama rata dalam kalangan mereka. Berdasarkan soal selidik sebanyak 170 orang (81.3 peratus) peneroka bersetuju dengan kenyataan ini dan selebihnya sebanyak 39 orang (18.7 peratus) tidak bersetuju.

- (6) Masalah waris berlapis dari satu generasi ke satu generasi menyebabkan masalah pembahagian menjadi lebih rumit.

Apabila berlaku penangguhan dalam pembahagian pusaka dengan berlakunya kematian, sehingga terdapat ahli waris lain yang meninggal dunia, maka akan bertambahlah kesukaran dalam pembahagian pusaka tersebut. Masalah waris berlapis daripada satu generasi kepada satu generasi menjadikan proses pembahagian semakin rumit kerana melibatkan lebih banyak ahli waris yang berhak terhadap pusaka itu. Berdasarkan soal selidik, sebanyak 167 orang responden (79.9 peratus) bersetuju dengan kenyataan ini, dan selebihnya 42 orang (20.1 peratus) tidak bersetuju.

(7) Kebanyakan waris mahu bahagian masing-masing mengikut hukum syarak.

Masih terdapat segelintir dalam kalangan warga peneroka FELDA Taib Andak masih mempertikaikan pembahagian harta pusaka FELDA yang tidak mengikut sistem faraid. Hanya dua orang sahaja pentadbir yang dibenarkan dilantik sedangkan masih banyak lagi ahli waris lain yang berhak. Sebanyak 164 orang (78.5 peratus) menyatakan “ya” bahawa kebanyakan mereka inginkan bahagian masing-masing dibahagikan mengikut hukum syarak. Sebanyak 45 orang (21.5 peratus) mengatakan tidak. Mereka menganggap bahawa menjadi pentadbir akan membolehkan mereka menjadi pemilik tanah yang mutlak. Menjadi pentadbir bukanlah bermaksud seseorang itu menjadi pemilik terhadap tanah tersebut, mereka hanya sebagai pentadbir dan hasil pendapatan akan dibahagikan dalam kalangan waris. Mengikut hukum faraid, setiap harta bagi seseorang yang mati menjadi harta pusaka, begitu juga harta seorang peneroka FELDA yang meninggal dunia. Walaupun hak waris tidak dinafikan untuk mewarisi tanah rancangan tersebut, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 menegah daripada nama-nama waris didaftarkan dalam hak milik tanah kecuali dua nama sahaja. Apa-apa yang berlaku dalam pembahagian tanah FELDA ketika ini, sekiranya si mati meninggalkan seorang isteri dan lima orang anak, dua lelaki dan satu perempuan dan mereka menuntut bahagian masing-masing mengikut hukum faraid, pegawai Unit Pembahagian Pusaka selaku Pentadbir Tanah akan melantik sekurang-kurangnya seorang pentadbir untuk didaftarkan dalam geran tanah. Tugas pentadbir menguruskan ladang dan membahagikan hasilnya kepada waris mengikut faraid atau sebagaimana dipersetujui oleh waris.

(8) Sekatan undang-undang terhadap tanah rancangan FELDA merupakan punca utama masalah pembahagian pusaka di tanah rancangan ini.

Masalah peruntukan Akta (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 bukanlah sebab berlakunya masalah pembahagian pusaka FELDA. Mahu atau tidak semua peneroka wajib mematuhi akta ini kerana peruntukan ini merupakan satu langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk menjadikan tanah FELDA kekal sebagai sumber pembangunan ekonomi yang maksimum dari segi hasil ladang dan pendapatan peneroka. Tujuan Akta (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang menghalang pemilikan nama dalam hak milik tidak lebih daripada dua orang adalah untuk mengelakkan tanah tersebut menjadi tidak ekonomik kerana pemilikan terlalu ramai dan bahagian tanah dipecah-pecahkan menjadi terlalu kecil. Selain itu, akta ini tidak bercanggah dengan syariat. Berdasarkan soal selidik sebanyak 162 orang (77.5 peratus) bersetuju dan selebihnya sebanyak 47 orang (22.5 peratus) mengatakan tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

(9) Tiada persepakatan dalam kalangan ahli waris ketika membuat pembahagian pusaka tanah FELDA.

Sebanyak 149 orang (71.3 peratus) responden bersetuju bahawa tiada kesepakatan dalam kalangan ahli waris ketika membuat pembahagian tanah pusaka FELDA menjadi salah satu punca berlakunya masalah dalam pembahagian pusaka dalam kalangan warga peneroka. Sebanyak 60 orang (28.7 peratus) pula mengatakan tidak bersetuju. Apabila tiada kesepakatan dalam kalangan ahli waris untuk melantik pentadbir dan juga menguruskan pembahagian pusaka maka akan timbullah isu yang lebih besar, sama ada harta pusaka itu akan dibekukan, waris yang berlapis, pergaduhan dalam kalangan ahli waris dan sebagainya. Seharusnya ahli waris perlu bertolak ansur dan bekerjasama bagi memudahkan pengurusan dan menjadikan proses pembahagian pusaka berjalan lancar.

## KESIMPULAN

Masalah yang berlaku dalam kalangan peneroka seperti yang telah dibincangkan boleh diatasi sepenuhnya jika semua pihak mengambil tanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing. Sama ada dari pihak peneroka itu sendiri, pihak pengurusan FELDA dan juga Pejabat Tanah atau mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam proses pembahagian harta pusaka peneroka. Masalah utama di sini bukanlah berdasarkan isu yang telah diterangkan akan tetapi masalah sikap dalam kalangan setiap individu itu sendiri. Oleh itu, masing-masing perlu bermuhasabah diri dalam melaksanakan amanah dan kepercayaan yang telah diberikan. Selain itu, pihak yang berkenaan perlu dirujuk jika tidak memahami mengenai sesuatu perkara untuk mendapatkan penjelasan yang tepat dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Jika dibiarkan akan menyebabkan bebanan bertambah, akhirnya menjadi buntu dan tidak menemui jalan penyelesaian.

## RUJUKAN

“900,000 Geran Atas Nama Orang Mati” dlm. *Utusan Malaysia*, 26 Februari 2006.

Ahmad Hidayat Buang, 2005. “Perkembangan dan Isu-isu Undang-undang Pusaka dan Wasiat di Malaysia” dlm. Ahmad Hidayat Buang (ed.) *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad (Akta 532).

Akta Tafsiran 1948 & 1967 (Akta 388).

Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (Akta 530).

al-Zarqa', Ahmad bin Muhammad, 1996. *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damshiq: Dar al-Qalam.

Arshad Ayub, Nik Mohd Zain Nik Yusof dan Mohd Helmi Hussain, 1988. "Harta Perolehan dari Agensi Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah" dlm. Ridzuan Awang (ed.) *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Orang-orang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.

Dewan Negara Malaysia, Isnin, 11 November 2002. Rang Undang-Undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 2002. Dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai.

Hakimi Ismail. "Harta Pusaka RM42b di Beku" dlm. *Utusan Malaysia*, 28 Jun 2011.

Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Berhubung Dengan Isu-isu Muamalat. Diperoleh daripada <http://www.islam.gov.my>.

<http://ms.wikipedia.org/felda> Taib Andak.

Kalsom Taib, 2011. *Taib Andak Dalam Kelasnya Tersendiri*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn Bhd.

Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56).

Ridzuan Awang, 1994. *Undang-Undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Abu Zahrah, (t.t.). *Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

Muhammad al-Zuhayli, 2001. *al-Faraid wa al-Mawarith wa al-Wasaya*. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyub.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-38, 21 Jun 1995.

Norlizah Abas. "RM38b Tidak Dituntut" dlm. *Utusan Malaysia*, 3 Julai 2006.

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bil. 2/2003. (Garis Panduan Pemakaian Seksyen 14, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 2002 Bagi menguruskan Permohonan Untuk Memasukkan Pemegang Bersama (Co- holder) Di atas Pegangan Desa (Rural Holding).

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 12/2009. (Pengeluaran Surat Kuasa Tadbir (Letter of Administration) di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 Bagi Hakmilik dan Daftar Pegangan di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960).

Raja Syahrir Abu Bakar. "Pewaris Aset RM40b Dicari" dlm. *Utusan Malaysia*. 4 Ogos 2010.

- Rang Undang-Undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 2002. Bacaan Kali Kedua dan Ketiga. Kuala Lumpur: Cawangan Dokumentasi Parlimen Malaysia.
- Temu bual dengan Ahmad Shahrul bin Mohamad, Eksekutif Kanan Amanah Raya Berhad Johor Bahru pada 11 November 2011 jam 10.30 pagi bertempat di Pejabat Amanah Raya Berhad, Johor Bahru.
- Temu bual dengan En. Rosli bin Maarof, Pengurus FELDA Taib Andak, Kulai, Johor pada 14 Disember 2011. Pada jam 2.30 petang bertempat di Pejabat Pengurusan FELDA Taib Andak, Kulai Johor Bahru.
- Temu bual dengan En. Harun bin Ithnin, Penolong Pegawai Tadbir Unit Pusaka, Pejabat Tanah Kulai Jaya pada 23 November 2011, pada jam 11 pagi bertempat di Pejabat Tanah Kulai Jaya.
- Wan Abdul Halim Wan Harun. *Isu-isu Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam dalam Konteks Perundangan Malaysia*. Diperoleh daripada <http://www.islam.gov.my>.
- Yazid Ahmad dan Iknor Azli Ibrahim, 2006. "Konsep Harta Menurut Perspektif Undang-undang Islam dan Undang-undang Sivill: Satu Tinjauan" dlm. *Jurnal Pengajian Umum* Bil. 7. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Mohamad, 2007. "Isu Pusaka Tanah Rancangan FELDA: Kajian Kes FELDA Lurah Bilut Bentong Pahang Darul Makmur". Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.